



Oleh **PROF. MADYA.  
DR. MOHD YUSOF SAARI**  
*mysaari@gmail.com*

**A** WAL bulan ini kerajaan telah membuat keputusan penangguhan pelaksanaan skim subsidi petrol bersasar. Alasan utama penangguhan itu adalah kekurangan data berkenaan kumpulan sasar terutamanya data isi rumah kumpulan berpendapatan B40.

Keputusan penangguhan ini adalah tepat dan bersifat progresif. Kita mahukan sesuatu skim bantuan itu bukan sahaja meningkatkan kebajikan rakyat tetapi memastikan ia sampai kepada sasaran.

Justeru, data yang tepat adalah penting dalam pembuatan dan pelaksanaan dasar. Kita tidak mahu mengulangi kesilapan akibat keterbatasan data seperti yang dibangkitkan oleh Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Philip Alston berkenaan dengan kadar kemiskinan di Malaysia.

Dalam konteks kemiskinan, keterbatasan data sedia ada menyebabkan ketidaktepatan dalam mengukur kadar kemiskinan di Malaysia.

Difahamkan kerajaan setakat ini hanya bersandarkan kepada data program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam menentukan sasaran penerima skim bantuan subsidi petrol.

Kedua-dua sumber data ini kurang tepat dalam menentukan sasaran penerima.

Mengikut belanjawan tahun

lepas, subsidi petrol bersasar dicadangkan hanya terpakai kepada kereta di bawah kuasa 1,500cc dan motosikal di bawah 125cc. Data JPJ hanya mengandungi maklumat pemilikan kenderaan tanpa mengetahui tahap pendapatan dan kekayaan individu pemiliknya.

Terdapat juga dalam kalangan isi rumah yang bukan di bawah kategori B40 memiliki kereta di bawah kuasa 1,500cc.

Di samping itu, masih terdapat isi rumah golongan berpendapatan B40 tiada dalam senarai data BSH.

### Dipercayai

Adakah data-data yang sedia ada tidak relevan digunakan dalam pembuatan dasar?

Perangkaan dan analisis yang dikira daripada data tinjauan seperti Perbelanjaan Isi Rumah (HES) masih relevan dan boleh dipercayai pada peringkat penilaian makro.

Pada peringkat yang lebih mikro seperti negeri atau daerah, perangkaan HES perlu diguna secara berhati-hati kerana ralat persampelan tidak boleh dielakkan.

Dalam konteks pelaksanaan skim subsidi petrol, kita tidak boleh bersandarkan kepada sampel tetapi kita mahukan sasaran yang tepat kepada penerima yang layak.

Data daripada sampel yang dikutip berguna untuk memahami latar belakang dan gelang keseluruhan isi rumah.

Malaysia memerlukan pembangunan pangkalan data berpusat. Pada masa kini, negara bergantung kepada pelbagai jenis data yang dikutip dengan

menggunakan pelbagai kaedah yang kebanyakannya hanya bersandarkan kepada sampel.

Ini menyumbang kepada ralat penganggaran dan ketidaktepatan sasaran bila digunakan untuk analisis dan pelaksanaan dasar kerajaan.

Data-data penting seperti pendapatan, jenis pekerjaan, jenis industri, bilangan tanggungan, umur, pendidikan, jenis rumah, pemilikan kenderaan dan aset, lokasi dan lain-lain perlu dikutip untuk setiap individu di Malaysia.

Sebuah agensi perlu diberi mandat untuk mengumpul data-data tersebut. Di Belanda, maklumat data sosioekonomi individu dikutip oleh pihak berkuasa tempatan dan menjadi kesalahan jika maklumat tersebut tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mewajibkan setiap individu melapor dan mengemas kini maklumat tersebut.

Pangkalan data yang komprehensif penting bagi memastikan semua Kementerian dan agensi menggunakan data yang sama.

Selagi inisiatif pembangunan pangkalan data sebegini tidak dilakukan, selagi itulah perangkaan dan keberkesanan dasar-dasar kerajaan terus menjadi persoalan.

● **PENULIS** merupakan pensyarah di **Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia** merangkap **Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, UPM.**